

Pakar UPM yakin tiada mudarat

KUALA LUMPUR 1 Jun - Lemang yang dimasak dengan menggunakan periuk kera selamat untuk dimakan dan diyakini tidak mendatangkan sebarang kemudarat kepada kesihatan.

Dekan Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Abdul Shukor Juraimi berkata, rupa bentuk periuk kera membolehkannya menadah apa sahaja objek yang jatuh seperti serangga atau sisa buangan haiwan untuk diproses menjadi sumber makanan untuk terus hidup.

Walau bagaimanapun, jelasnya, bukan semua nutrien diserap masuk tumbuhan eksotik berkenaan kerana bahan-bahan seperti toksik atau racun akan dibiarkan.

“Bukan semua habitat periuk kera ada kelawar kerana haiwan itu adalah satu daripada beribu-ribu flora dan fauna di dalam hutan. Mungkin ketika kajian dijalankan kebetulan kawasan itu didiami kelawar.

“Setakat ini, saya tidak pernah dengar orang sakit akibat makan lemang periuk kera. Se-

cara logiknya selamat untuk digunakan kerana tumbuhan hanya menyerap nutrien yang diperlukan sahaja seperti nitrogen dan fosforus,” katanya ketika dihubungi *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.

Tular dalam media sosial hari ini sekeping gambar dari Pertumbuhan Pasukan Tindakan Haiwan (AAT) yang mendedahkan penemuan sekumpulan saintis dari Universiti Brunei Darussalam (UBD) yang mendakwa periuk kera dijadikan sebagai ‘tandas’ oleh kelawar dan tupai.